

## Guna cek, tanpa 'stamping' - SPR tolak bantahan PAS

Nur Abdul Rahman



KUALA LUMPUR, 24 Feb (Hrkh) - Calon PAS Parlimen Titiwangsa (P119), Dr Lo'lo' Dato' Mohamad Ghazali melahirkan rasa kesal dengan tindakan Pegawai Pengurus Pilihan Raya yang menolak bantahan mereka terhadap calon Barisan Nasional (BN) berhubung peraturan 'stamping' (mematikan setem pada borang Akaun Berkanun) dan pembayaran wang deposit melalui cek oleh calon BN.

Tegas Dr Lo'lo', tiga hari sebelum penamaan calon, beliau dipanggil oleh SPR berhubung peraturan baru yang mewajibkan mematikan setem pada borang Akaun Berkanun calon.

Bagaimanapun, pagi tadi, Dr Lo'lo' sekali lagi menyuarakan kepada SPR berhubung peraturan tersebut apabila mendapati calon BN, Dato' Aziz Jamaluddin tidak berbuat demikian (mematikan setem). Namun, calon PAS berasa terkejut kerana pihak SPR memaklumkan mereka menerima arahan 'terbaru' bahawa syarat mematikan setem tidak lagi menjadi syarat wajib dalam borang Akaun Berkanun calon.

*"Bila saya tanya SPR, mereka jawab 'Ini arahan lisan terbaru',..."*

"Semasa perjumpaan dengan kita pada 21 Februari lalu, SPR kata wajib matikan setem pada borang tersebut, kita jadi kelam kabut kerana tinggal tiga hari lagi penamaan calon, malah SPR mensyaratkan cop yang 'original', tetapi hari ini, sama ada matikan setem atau tidak, kedua-dua boleh. Bila saya tanya SPR, mereka jawab 'Ini arahan lisan terbaru'," ujar Dr Lo'Lo' ketika berucap sebaik sahaja keluar dari pusat penamaan calon di Sekolah Menengah Aminuddin Baki.

Malah, beliau juga kesal kerana tidak dibenarkan menyemak permohonan calon BN yang dilihat menggunakan bank draft untuk bayaran deposit pilihan raya.

*"calon BN mengemukakan cek, mana tahu cek tersebut cek 'tendang' ..."*

"PAS sudah bayar awal, malah secara tunai sebelum penamaan calon, tapi saya ternampak calon BN mengemukakan cek, mana tahu cek tersebut cek 'tendang' atau sebaliknya, bagaimanapun SPR enggan membenarkan calon PAS menyemak permohonan calon BN," ujar beliau.

Sementara itu, kira-kira 6,000 penyokong mengiringi calon ke pusat penamaan calon. Mereka mula berkumpul di surau Taman Maluri kira-kira jam 8 pagi untuk menunaikan solat hajat. Borang pencalonan PAS diterima pada jam 9.06 pagi oleh Pegawai Pengurus Pilihan raya, Yahya Soh manakala calon BN pada jam 9.02 pagi. Suasana di tempat penamaan berjalan lancar, pihak polis dan FRU turut mengawasi sekitar kawasan penamaan. - mks.

*Pantau dan lapor salah laku UMNO dan Barisan Nasional sepanjang pilihanraya umum ke-12. Sebar dan cetak risalah ini agar maklumat sebenar diperolehi rakyat.*

## Gagal kemuka bukti letak jawatan Senator - SPR tolak bantahan PAS

Azamin Amin | Foto Wan Zahari Wan Salleh

ARAU, 24 Feb (Hrkh)- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menolak bantahan PAS terhadap calon Umno Dato' Ismail Kassim yang mencabar Timbalan Mursyidul Am PAS, Dato' Dr Haron Din di Parlimen Arau (P003) kerana tidak dapat mengemukakan bukti peletakan jawatan sebagai Senator.



Menurut peguam Zulmi Sabri yang mengemukakan bantahan tersebut, mendakwa Ismail masih lagi tidak meletakkan jawatan senator dan meminta beliau mengemukakan surat peletakan jawatannya termasuk bukti pembayaran (pay slip) pendapatan untuk dilihat sebagai bukti.

Katanya jika sabit, tindakan ini adalah bertentangan dengan perkara 481(C) Perlembagaan Persekutuan yang mana calon tersebut boleh hilang kelayakan bertanding kerana masih lagi memegang jawatan berpendapatan.

Dalam pada itu, Haron Din ketika ditemui kesal kerana SPR menolak bantahan PAS dan akan berbincang untuk melakukan tindakan susulan terhadap isu terbabit.

"Kita tidak puas hati dengan penjelasan SPR itu dan mahukan keadilan dalam kes ini," katanya.

Dr Haron adalah calon terawal sekali menyerahkan borang pencalonan di Dewan Sivik Arau jam 9.11 pagi tadi manakala lawannya yang merupakan adik kepada Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan Kassim.



Turut sama menyerahkan borang pencalonan Pesuruhjaya PAS Perlis, Ustaz Hashim Jasin bagi mempertahankan kerusi dewan undangan negeri kawasan DUN Sanglang, satu-satunya kerusi yang dimenangi PAS pada pilihan raya umum 2004.

Selain itu empat calon PAS turut bertanding di kawasan masing-masing seperti Abu Bakar Ali di DUN Pauh (N11); Che Nordin Ahmad di Tambun Tulang (N12) yang mencabar Shahidan Kassim, Ahmad Adnan Fadzil di Guar Sanji (N13) dan Rus'sele Eizan di Simpang Empat (N14).

Sementara turut menarik perhatian ialah dua beradik, bekas Pegawai Istana Negara Dato' Hassan Din dan Ishak Din yang hadir memberi sokongan kepada Dr Haron dengan diiringi sejumlah kira-kira 1,500 penyokong yang berarak dari rumah Ustaz Ahmad Ali ke Dewan Sivik Arau.

Pengumuman calon-calon yang bertanding telah dibuat oleh Pegawai Pengurus SPR Mohd Daud Abdul Hamid dan disiarkan secara langsung oleh RTM tengah hari tadi. - mks.



**SMS BERITA TERKINI :**

Taip **ON<ruang>HARAKAH** dan hantar ke **77770**

**Perolehi perkembangan terkini Pilihanraya Umum ke-12 dengan pantas terus ke telefon bimbit anda !**

\*Hanya RM5 sebulan dan untuk pelanggan Celcom sahaja.